

Headline	Jangan tebang pokok perpaduan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	05 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	2	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	331 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,392
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,175



# Jangan tebang 'pokok perpaduan'

**KUALA LUMPUR 4 Feb.** - Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan rakyat supaya menjaga serta memelihara 'pokok perpaduan' negara yang telah dibentuk oleh pemimpin-pemimpin terdahulu sejak kemerdekaan dicapai demi memastikan Malaysia sentiasa aman dan makmur.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang gagal sekiranya 'pokok perpaduan' yang telah dibentuk oleh pemimpin sejak 60 tahun lalu itu tidak dijaga dengan baik.

Mengambil contoh analogi ketika mengimbas kembali pengalaman menanam pokok di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sewaktu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dahulu, beliau menjelaskan, pokok yang ditanam 13 tahun lalu itu kini tumbuh besar kerana dijaga dengan baik.

"Pemimpin terdahulu telah menanam 'benih' pertama kea-

manan dan keharmonian 60 tahun lalu apabila mereka merangka Perlembagaan negara ini dan sekiranya kita menjaga seperti FRIM lakukan, insya-Allah, Malaysia akan terus harmoni pada masa akan datang.

"Oleh itu, jangan sesekali menebang 'pokok perpaduan' yang ditanam ini. Sekiranya kita bagi anai-anai makan apa yang kita telah tanam, maka kita tidak akan ada tempat perlindungan dan Malaysia akan menjadi negara gagal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia 2017 bertemakan Cintai Tuhan, Cintai Jiran di FRIM di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah dua Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Seri Jamil Khir Baharom serta Pengerusi Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Kehar-

monian Antara Penganut Agama, Datuk Azman Amin Hassan.

Perdana Menteri turut meluangkan masa beramah mesra dengan pemimpin-pemimpin agama dalam majlis tersebut.

Mengulas lanjut, Najib menegaskan, beliau akan terus komited untuk meneruskan segala usaha bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih baik.

Pada masa sama, beliau turut mengingatkan rakyat agar terus mempertahankan Perlembagaan bagi memastikan negara berada dalam keadaan aman dan harmoni meskipun mempunyai kepelbagaian kaum serta agama.

Beliau menambah, banyak penambahbaikan yang telah dilakukannya sejak menjadi Perdana Menteri antaranya memperkenalkan konsep 1Malaysia, wasatiyyah (kesederhanaan) dan menjalin hubungan diplomatik dengan Vatican City.



**NAJIB TUN RAZAK** merasmikan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia 2017 di FRIM Kepong semalam. Turut hadir, Joseph Kurup dan Jamil Khir Baharom. - MINGGUAN/ABDUL RAZAK LATIF